



SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN  
ANJUNG BATU

2020



# Modul Imtiyaz

## Pendidikan Islam

## Tingkatan I

USTAZAH HJH SITI MASERIYANI BINTI SAPARI



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

AYAT DAN TERJEMAHAN
الْمَ
Alif, Lam, Miim.
ذَلِكَ الْكِتَبُ لَرَبِّ فِيهِ
Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (datangnya daripada Allah dan tentang kesempurnaannya)
هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ
menjadi petunjuk kepada orang yang bertaqwa
الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ
Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara yang ghaib,
وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ
dan mendirikan sembahyang
وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ
serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka.
وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ وَمَا أَنْزَلَ مِنْ قَبْلِكَ
dan juga orang yang beriman (kepada Kitab al-Quran ) yang diturunkan kepadamu (Muhammad SAW), dan Kitab yang diturunkan dahulu daripadamu,
وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقَنُونَ
serta mereka yakin akan (dengan sepenuhnya) akan (adanya) hari akhirat
أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًىٰ مِّنْ رَّبِّهِمْ
Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk daripada Tuhan mereka,
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ
dan merekalah orang yang berjaya.

**INTISARI AYAT**

**SURAH- AL-BAQARAH : 1-5**

Al-quran **tidak ada sebarang syak padanya** dan **panduan bagi orang yang bertaqwa.**

**CIRI ORANG YANG BERTAQWA**

- ✓ Beriman kepada perkara ghaib
- ✓ Mendirikan solat
- ✓ Menginfakkan harta
- ✓ Beriman kepada kitab
- ✓ Beriman kepada hari akhirat

Golongan ini mendapat petunjuk daripada Allah SWT dan tergolong dalam kalangan **orang yang berjaya.**

**AYAT DAN TERJEMAHAN**

وَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ

dan antara mereka ada yang (berdoa dengan) berkata:

رَبَّنَا آءِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً

"Wahai Tuhan kami, berilah Kami kebaikan di dunia

وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً

dan kebaikan di akhirat,

وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾

dan peliharalah Kami daripada azab neraka".

**INTISARI AYAT**

**SURAH- AL-BAQARAH : 201**

- ✓ Allah SWT menyeru hambaNya agar berdoa memohon kebahagiaan dalam urusan dunia dan akhirat.
- ✓ **Kebaikan di dunia** : kesihatan yang baik, rezeki yang berkat, rumah yang selesa dan keluarga yang bahagia.
- ✓ **Kebaikan di akhirat** : seperti memperoleh keampunan dan keredhaan Allah SWT, terhindar daripada seksa api neraka dan mendapat ganjaran syurga.

**ADAB BERDOA**

Dimulai dan diakhiri dengan pujian terhadap Allah SWT.

Selawat kepada Rasulullah SAW.

**AYAT DAN TERJEMAHAN**

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢٥٥﴾

Allah SWT, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang tetap hidup lagi kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk).

لَا تَأْخُذْهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ﴿٢٥٦﴾

yang tidak mengantuk dan tidak tidur.

لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ﴿٢٥٧﴾

Dia memiliki segala yang ada di langit dan di bumi.

مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ﴿٢٥٨﴾

tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya.

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ﴿٢٥٩﴾

yang mengetahui apa - apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka

وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ﴿٢٦٠﴾

sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun daripada (kandungan) ilmu Allah SWT melainkan apa - apa Yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya).

وَسَعَ كُرْسِيُهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ ﴿٢٦١﴾

Luasnya Kursi Allah SWT (ilmu dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi.

وَلَا يَعُودُهُ حِفْظُهُمْ وَهُوَ عَلَىٰ أَعْظَمِهِمْ رَّحِيمٌ ﴿٢٦٢﴾

dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah SWT menjaga serta memelihara keduanya. dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya)

لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ ﴿٢٦٣﴾

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam),

قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيْرِ ﴿٢٦٤﴾

kerana sesungguhNya telah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kufur).

فَمَنْ يَكُنْ فُرِّ بِالْطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ ﴿٢٦٥﴾

Oleh itu, sesiapa Yang tidak mempercayai Taghut, dan dia pula beriman kepada Allah SWT,

## AYAT DAN TERJEMAHAN

فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ

maka sesungguhnya dia telah berpegang pada simpulan (tali agama) yang teguh

لَا انْفَصَامَ لَهَا

yang tidak akan putus.

وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِ مُرْسَلٌ

dan (ingatlah), Allah SWT Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

اللَّهُ وَلِيُّ الْذِينَ إِيمَنُوا

Allah Pelindung (yang mengawal dan menolong) orang yang beriman.

يُخْرِجُهُمْ مِّنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ

Dia mengeluarkan mereka daripada kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman).

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أُولَئِكُهُمُ الظَّاغُونُ

dan orang kafir, penolong mereka ialah Taghut

يُخْرِجُونَهُمْ مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلْمَاتِ

yang mengeluarkan mereka daripada cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur).

أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ

mereka itulah ahli neraka,

هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

mereka kekal di dalamnya.

### SURAH- AL BAQARAH : 255-257

- ✓ Allah SWT menguasai dan mentadbir alam mengikut kehendak dan kebijaksanaanNya.
- ✓ Maha suci Allah SWT daripada sifat kekurangan seperti mengantuk dan tidur.
- ✓ Ilmu Allah SWT meliputi segala makhluk ciptaanNya.
- ✓ Allah Maha Berkuasa dan agung, tidak memerlukan bantuan sesiapa untuk mentadbir alam yang luas.
- ✓ Islam agama yang mementingkan kefahaman dan keyakinan, bukan agama paksaan.
- ✓ Allah SWT memimpin orang yang beriman daripada kekufuran dan kejahilan kepada keimanan dan keilmuan.
- ✓ Syaitan memimpin orang kafir kepada kekufuran dan kejahilan.

### INTISARI AYAT

**AYAT DAN TERJEMAHAN**

فَإِنَّمَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ<sup>٢٨٤</sup>

Segala yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan Allah.

وَإِنْ تُبْدِلْ مَا فِي أَنفُسِكُمْ

jika kamu menzahirkan apa – apa yang ada dalam hatimu

أَوْ تُخْفِهُ مِحَاسِبَتُكُمْ بِهِ اللَّهُ<sup>٢٨٥</sup>

atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu.

فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ

kemudian Dia mengampunkan sesiapa yang dikehendakiNya

وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ

dan menyeksa sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya)

وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ<sup>٢٨٦</sup>

dan (ingatlah), Allah SWT Maha berkuasa terhadap segala sesuatu.

عَامَّنَ الرَّسُولُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ<sup>٢٨٧</sup>

Rasulullah SAW telah beriman kepada apa – apa yang diturunkan daripada TuhanNya, dan juga orang-orang yang beriman;

كُلُّهُمْ أَمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ<sup>٢٨٨</sup>

semuanya beriman kepada Allah SWT, para Malaikat, dan Kitab-kitab, dan para rasulNya.

لَا فَرْقَ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ<sup>٢٨٩</sup>

(Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang rasul dengan rasul yang lain".

وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا<sup>٢٩٠</sup>

mereka berkata lagi : Kami dengar dan kami taat (kami memohon)

غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ<sup>٢٩١</sup>

keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadamu jualah tempat kembali".

لَا يَكِلُّ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسِّعَهَا<sup>٢٩٢</sup>

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

## AYAT DAN TERJEMAHAN

لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكَثَرَتْ

ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya.

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا

(Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami ! janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah

رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا

Wahai Tuhan kami ! janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat

كَمَا حَمَلْتَهُ وَعَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا

sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami.

رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ

Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya.

وَأَعْفُ عَنَّا وَأَعْفِرْنَا وَأَرْحَمْنَا

dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami.

أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨١﴾

Engkaulah penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir".

### INTISARI AYAT

#### SURAH- AL BAQARAH : 284

- ✓ Segala yang ada di langit dan dibumi milik Allah SWT.
- ✓ Allah SWT mengetahui segala amalan zahir dan batin.
- ✓ **Amalan zahir** ialah amalan yang dilakukan oleh anggota badan seperti solat dan puasa.
- ✓ **Amalan batin** pula ialah amalan hati seperti ikhlas.

#### SURAH- AL BAQARAH : 285


- ✓ Semua rasul memiliki aqidah tauhid yang sama .
- ✓ Rasulullah SAW dan orang yang beriman yakin dengan risalah tauhid yang diturunkan oleh Allah SWT.

#### SURAH- AL BAQARAH : 286

- ✓ Allah SWT tidak membebankan hambaNya dengan amalan yang tidak mampu dilakukan.
- ✓ Setiap perbuatan manusia akan dihisab.
- ✓ Kebaikan yang dilaksanakan akan diberi pahala.
- ✓ Kejahatan pula akan dibalas dengan dosa.

<b>Makhraj Huruf</b>	Tempat keluar huruf Hijaiyyah yang membezakan antara satu huruf dengan huruf yang lain.
----------------------	---

- ✓ **Wajib** mempelajari ilmu tentang makhraj huruf agar dapat membaca al-Quran dengan fasih dan lancar.



### ISTI'AZAH

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Aku memohon perlindungan Allah SWT daripada syaitan yang direjam.

Hukum membacanya setiap kali hendak membaca al-Quran : SUNAT

### BASMALAH

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

SUNAT dibaca pada setiap awal surah kecuali Surah at-Taubah.

ALIF LAM QAMARIAH	ALIF LAM SYAMSIAH
✓ Huruf lam ditulis dan disebut	✓ Huruf lam ditulis tetapi tidak disebut
✓ Huruf lam sentiasa berbaris sukun (ׁ)	✓ Huruf lam tidak berbaris
✓ Huruf yang terletak selepas huruf lam berbaris (ׁ ׂ ׄ)	✓ Huruf yang terletak selepas huruf lam dibaca bershaddah (ׁ)
CONTOH	CONTOH
الْقَارِئُ	الْسَّارِقُ
مَا الْقَارِئُ	الْجُمُثُلَاقُ
الْيَقِينُ	الشَّكُورُ

### WAJIBUL GHUNNAH

Huruf Mim dan Nun yang bersabdu (bertashdid).

Cara bacaan : Menekan suara pada huruf ڦ dan ڻ disertai dengan sekadar 2 harkat.

Contoh : قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْكَافِرِينَ ﴿١﴾ مَلِكِ الْكَافِرِينَ ﴿٢﴾

Contoh : فَإِنَّمَا أَلْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ ﴿٩﴾ وَإِنَّمَا أَسَأَلَ فَلَا شَهَرْ ﴿١٠﴾

### FAWATIH AS-SUWWAR

فَوَاتِحُ السُّور

فَوَاتِحُ kata jamak yang diambil daripada kalimah فَاتِحٌ yang bermaksud pembuka.

السُّور kata jamak yang berasal daripada kalimah سُورَةٌ yang bermaksud himpunan ayat al-Quran dengan nama-nama yang tertentu.

Juga dikenali  
الْحُرُوفُ الْمُقْطَعَةُ  
(potongan huruf).

Contoh :

بـ  
يـسـ  
الـمـ

فَوَاتِحُ السُّور  
Huruf-huruf hijaiyyah yang terletak dipermulaan sebahagian daripada surah-surah al-Quran.

Terdapat pada 29 surah menggunakan 14 huruf.

CARA BACAAN FAWATIH AS-SUWWAR			
Cara Bacaan	Huruf	Sebutan	Harkat
Dibaca tanpa mad atau tidak dipanjangkan.	ا	أَلِيف	Tiada harkat
Dibaca dengan panjang 2 harkat.	ح، ي، ط، هـ، رـ	خـ، يـ، طـ، هـ، رـ	2 harkat.
Dibaca panjang 6 harkat.	نـ، قـ، صـ، عـ، سـ، لـ، كـ، مـ	ثـونـ، قـافـ، صـادـ، عـينـ، سـينـ، مـالـ، كـافـ، مـيمـ	6 harkat.

**PUJIAN HANYA KEPADA ALLAH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝

- ✓ Ucapan **Basmalah**..... mengajar kita supaya melakukan sesuatu ikhlas kerana Allah SWT.
- ✓ Ucapan **Alhamdulillah**..... pula ialah kata-kata puji yang dikhususkan bagi Allah SWT sebagaimana Tuhan yang mencipta dan mentadbir alam.
- ✓ Puji-pujian kepada Allah SWT dilahirkan dengan menyebut nama-namaNya seperti ar-Rahman dan ar-Rahim yang menunjukkan rahmat dan kasih sayang yang dilimpahkan kepada hambaNya.
- ✓ Semua ucapan ini hendaklah disertai rasa cinta kepada Allah SWT dan dibuktikan dengan mematuhi segala perintahNya.

**BERIMAN KEPADA HARI KIAMAT**

مَلَكِ يَوْمَ الدِّينِ ۝

- ✓ Ayat 4 surah al-Fatihah menjelaskan bahawa hanya Allah SWT yang memerintah pada hari akhirat, iaitu **hari pembalasan**..... terhadap amalan manusia selepas kemasuhan alam dunia.
- ✓ Hanya Allah SWT berkuasa **menghukum**..... dan membala perbuatan manusia.
- ✓ Pada hari itu tiada sesiapa lagi yang berkuasa. Semua manusia berada di bawah kekuasaan Allah Yang Maha Esa dan menerima **ketentuan**..... dan hukuman yang diputuskan oleh Allah.
- ✓ Setelah itu manusia akan melalui titian sirat untuk ke syurga. **Orang mukmin** yang melakukan amalan soleh akan dapat melepas titian sirat dengan mudah manakala **orang kafir** akan terjerumus ke dalam neraka.
- ✓ Oleh itu, setiap kali kita membaca ayat ini kita hendaklah yakin bahawa segala amalan kita akan dihitung oleh Allah SWT.
- ✓ Kita hendaklah **beristiqamah**..... dalam beramal dengan ajaran Islam supaya kita selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat.

**MENYEMBAH DAN MEMOHON PERTOLONGAN HANYA KEPADA ALLAH**

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ۝

- ✓ Allah mengajar kita erti ‘Ubudiyah dan Isti’anhah.
- ✓ ‘Ubudiyah bererti mengkhususkan **pengabdian diri**..... hanya kepada Allah SWT. Segala ibadat yang dilakukan hanya ditujukan kepada Allah SWT.
- ✓ **Isti’anhah** pula ialah memohon kepada Allah SWT untuk mendapat **kebaikan**..... dan menolak **keburukan**..... dunia dan akhirat.
- ✓ Kita hendaklah yakin bahawa Allah SWT semata-mata yang berkuasa memperkenankan permintaan hambaNya.

## JALAN YANG DIREDAI

أَهْدَنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ٦ صِرَاطُ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا  
الظَّالِمُونَ ﴿٧﴾

- ✓ Allah SWT mengajar kita supaya memohon hidayah ke jalan yang benar.
- ✓ Hidayah perkara yang paling penting dalam kehidupan manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
- ✓ Golongan yang benar dan mendapat petunjuk ialah **orang yang beriman** dan **mengikut ajaran Islam** yang diajar oleh Rasulullah SAW.
- ✓ Orang yang dimurkai Allah SWT pula ialah **penganut Yahudi** manakala orang yang sesat ialah **penganut Nasrani**.

## PENGAJARAN AYAT

1. Kita hendaklah memulakan sesuatu pekerjaan dengan membaca basmalah **untuk mendapat keberkatan**.....
2. Kita hendaklah **memuji Allah SWT** ..... dengan lafaz Alhamdulillah untuk mensyukuri nikmat kurniaanNya.
3. Kita hendaklah meyakini ganjaran dan balasan Allah SWT **pada hari kiamat** ..... sebagai motivasi untuk beramal soleh dan menghindari kejahanatan.
4. Kita dituntut agar berdoa hanya kepada Allah SWT bagi menghindari perbuatan syirik.
5. Setiap muslim hendaklah memohon hidayah Allah SWT agar istiqamah beramal dengan ajaran Islam.

وَلَذْ قُلْنَا لِلْمَلَكِ كَةٍ أَسْجَدُوا لِإِلَّا إِبْلِيسَ أَبَنَ وَأَسْتَكَبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَفِرِينَ ﴿٣٤﴾

Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada malaikat, "Tunduklah (berilah hormat) kepada Nabi Adam AS. Lalu mereka sekalian tunduk memberi hormat melainkan iblis, dia enggan dan takbur, dan dia tergolong dalam kalangan orang kafir.

وَقُلْنَا يَكَادُمُ أَسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغْدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ

الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣٥﴾

Dan Kami berfirman, "Wahai Adam AS ! Tinggalkanlah engkau dab isterimu dalam Syurga dan makanlah daripada makanan Syurga apa-apa sahaja yang kamu berdua sukai sepuas-puasnya dan janganlah kamu menghampiri pokok itu, (jika kamu menghampiri pokok ini) maka kamu akan tergolong dalam kalangan orang yang zalim".

فَأَنْزَلْنَا مِنَ الشَّيْطَانَ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ وَقُلْنَا أَهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي


الْأَرْضِ مُسْتَقْرٌ وَمَقْتَعٌ إِلَى حِينٍ ﴿٣٦﴾

Setelah itu, lalu syaitan menggelincirkan mereka berdua dari Syurga itu dan menyebabkan mereka dikeluarkan dari nikmat yang mereka telah berada di dalamnya dan Kami berfirman, "turunlah kamu ! sebahagian kamu menjadi musuh sebahagian yang lain, dan bagi kamu semua disediakan tempat kediaman di bumi, serta manfaat kesenangan hingga suatu masa (mati)".

فَتَلَقَّى إِدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ التَّوَابُ الرَّحِيمُ ﴿٣٧﴾

Kemudian Nabi Adam AS menerima daripada Tuhananya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah SWT menerima taubatnya, sesungguhnya Allah SWT, Dialah yang Maha Pengampun (penerima taubat) lagi Maha Mengasihi.

### KETAATAN MALAIKAT DAN PENDERHAKAAN IBLIS



- Sifat iblis pula **berbeza**..... daripada malaikat.
- Pada peringkat awal, perlakuan iblis **menyerupai**..... perlakuan malaikat yang sentiasa patuh beribadat kepada Allah SWT.
- Namun, segala-galanya berubah apabila iblis **enggan**..... tunduk hormat kepada nabi Adam setelah diperintahkan oleh Allah SWT.
- Semua malaikat tunduk hormat kecuali iblis.
- Keingkarannya itu disebabkan oleh sifat **sombong dan takbur**.....
- Iblis berbangga dengan asal kejadiannya yang dirasakannya **lebih baik**..... daripada Nabi Adam.

**IBLIS**

#### **PERINTAH DAN LARANGAN ALLAH SWT KEPADA NABI ADAM A.S**

- Allah SWT memerintahkan Nabi Adam dan isterinya tinggal di dalam syurga untuk merasai segala **kenikmatan syurga**..... termasuk makanan dan minuman.
- Di samping itu, Allah SWT melarang kedua-duanya daripada **menghampiri**..... pohon larangan dan memakan buahnya.


Perintah Allah SWT	Larangan Allah SWT
<b>Menghuni dan menikmati makanan dalam syurga.</b>	<b>Jangan menghampiri sejenis pohon.</b>

#### **IBLIS DAN SYAITAN MENYESATKAN MANUSIA**

- Syaitan memperdayakan manusia sejak zaman Nabi Adam lagi.
- Nabi Adam dan isterinya ditipu oleh iblis sehingga mereka diturunkan ke bumi.
- Sejak itu iblis dan syaitan terus berusaha menyesatkan manusia dengan pelbagai cara.
- Antara cara syaitan menyesatkan manusia adalah dengan:
  1. **Menimbulkan rasa was-was dalam diri manusia.**
  2. Menghasut manusia supaya meninggalkan suruhan Allah SWT.
  3. **Menghasut supaya melakukan larangan Allah SWT.**
  4. Menimbulkan perasaan riak apabila beramat.
  5. **Menggalakkan amalan sesat.**

#### **CARA MENGHINDARI GODAAN SYAITAN**

- Islam mengajar umatnya untuk **mentaati perintah Allah SWT** dan **meninggalkan laranganNya** serta berusaha **menghindari godaan dan gangguan syaitan**.
- Cara untuk menghindari godaan syaitan meliputi aspek akidah, ibadat dan akhlak yang boleh digambarkan seperti **sebatang pokok yang berbuah**.



### PENGAJARAN AYAT

1. Kita perlulah mencontohi malaikat yang memberikan sepenuh ketaatan kepada Allah SWT tanpa bantahan.
2. Kita hendaklah menjauhi sifat sompong dan takbur..... kerana sifat ini merugikan diri.
3. Kita seharusnya tidak mudah terpedaya dengan godaan syaitan agar hidup selamat di dunia dan di akhirat.....
4. Kita mestilah segera bertaubat kepada Allah SWT apabila melakukan dosa kerana pintu taubat sentiasa terbuka.

وَلَنَبْلُونَكُم بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرُوا الصَّابِرِينَ

الصَّابِرِينَ

Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, kehilangan jiwa dan kekurangan hasil buah-buahan, serta berikanlah berita gembira kepada orang yang sabar.

الَّذِينَ إِذَا أَصَبَتْهُمْ مُّصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَجُعُونَ

Iaitu orang yang apabila ditimpa musibah mereka mengucapkan *إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَجُعُونَ* (sesungguhnya kami kepunyaan Allah SWT dan kepada Allah SWT juga kami kembali).

### **UJIAN ALLAH SWT KEPADA MANUSIA**

- ✓ Ujian merupakan **sunnatullah**..... yang berlaku kepada manusia.
- ✓ Ujian boleh datang sama ada dalam bentuk **perintah dan larangan**....., perkara yang halal dan yang haram, **kesihatan dan kesakitan**....., kemewahan dan kemiskinan atau hidayah dan kesesatan.

**Firman Allah :**

وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

(Surah Al-Anbiya' ayat 35)

**Terjemahan :**

... dan kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan, dan hanya kepada Kami lah kamu dikembalikan.

### **CONTOH MUSIBAH YANG DITIMPAKAN KE ATAS HAMBANYA**



## CARA MENGHADAPI MUSIBAH

- Yakin dengan sepenuh hati bahawa **musibah**..... ialah ketentuan dan takdir Allah SWT.
- Berbaik sangka dengan Allah SWT bahawa **setiap ujian**..... pasti ada hikmah disebaliknya.
- Sentiasa **tabah dan sabar**..... serta mengharapkan pahala daripada Allah SWT.
- Muhasabah diri dan berusaha **meningkatkan ibadat**..... seperti solat sunat, membaca al-Quran dan berzikir.
- Banyakkan berdoa .

## HIKMAH DISEBALIK MUSIBAH DAN UJIAN YANG MENIMPA MANUSIA

1. **Menguji tahap keimanan manusia.**
2. **Membezakan antara mukmin dengan kafir.**
3. Mendapat kesejahteraan dan rahmat Allah SWT.
4. Mendapat petunjuk daripada Allah SWT.
5. **Meningkatkan ketakwaan dan mengangkat darjat manusia.**
6. **Menghapuskan dosa dan mendapat pahala.**

## PENGAJARAN AYAT

- ✓ **Umat Islam hendaklah yakin** bahawa setiap ujian yang berlaku pasti ada hikmah disebaliknya.
- ✓ **Orang mukmin sentiasa** berada dalam kebaikan, iaitu apabila ditimpa musibah dia bersabar, maka baginya kebaikan dan apabila diberi kesenangan dia bersyukur maka baginya juga kebaikan.
- ✓ **Kita seharusnya tidak mudah berputus asa**..... apabila menerima sesuatu ujian.
- ✓ **Orang yang beriman mesti melazimi amalan berdoa**..... ketika ditimpa musibah.
- ✓ **Kita perlu meyakini** balasan syurga dan pahala yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada hambaNya yang sabar.

يَأَيُّهَا أَنْسُوْ كُلُّمَا فِي الْأَرْضِ حَلَالاً طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوتَ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ

عَدُوٌّ مُّبِينٌ  
١٦٨


Wahai manusia, makanlah daripada apa-apa yang terdapat di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang nyata.

### TUNTUTAN PENGAMBILAN MAKANAN HALAL LAGI BAIK

Dalam ayat 168 surah al-Baqarah, Allah menyuruh kita **makan makanan yang halal** dan baik untuk **memelihara akal dan badan daripada kemudaratan**.

- ✓ Makanan yang halal dan baik dapat **menjanakan pemikiran yang cerdas, hati yang bersih dan badan yang sihat**.
- ✓ Allah SWT juga **MELARANG** kita mengikut jejak langkah syaitan yang sentiasa menghasut manusia supaya **mengambil makanan yang haram** dan **melakukan pembaziran**.

### CIRI-CIRI MAKANAN HALAL LAGI BAIK



**MAKANAN HALAL**

Makanan yang dibenarkan oleh syarak.

**MAKANAN HARAM**

Makanan yang dilarang oleh syarak.

\* Kita **DILARANG** makan, menjual dan membeli **makanan yang haram**.

Keharusan sesuatu makanan bergantung pada aspek berikut:


1. **Ramuan makanan daripada sumber yang halal.**
2. **Cara memproses dan menyediakan.**
3. **Cara mendapatkan makanan.**



PERBEZAAN CIRI MAKANAN HALAL DENGAN MAKANAN HARAM		
Ciri-ciri Makanan Halal	Aspek	Ciri-ciri Makanan Haram
Bahan yang halal dimakan	Bahan	<b>Bahan yang haram dimakan</b>
<b>Disembelih mengikut hukum syarak</b>	Proses	Tidak disembelih mengikut hukum syarak
<b>Bebas daripada najis dan kotoran</b>	Kandungan	Bercampur dengan najis dan kotoran
Disimpan di tempat yang suci	Kebersihan	<b>Disimpan di tempat yang bernajis</b>
Bebas daripada racun dan perkara yang menjelaskan kesihatan	Kesihatan	Mengandungi racun dan sesuatu yang memudarangkan kesihatan
<b>Diperoleh dengan cara yang sah</b>	Sumber	Diperolehi dengan cara yang haram

#### PENGAJARAN AYAT

1. **Kita wajib mengambil makanan yang halal** kerana makanan halal memberikan kesan yang baik terhadap kesihatan jasmani, kecerdasan minda dan kejernihan hati.
2. **Umat Islam perlu menjadi usahawan dalam bidang industri makanan** supaya dapat menjamin kehalalan dan kualiti makanan.
3. **Umat Islam hendaklah prihatin terhadap aspek pengeluran makanan yang menepati hukum syarak dan mematuhi piawaian kesihatan.**



- ✓ Hadis ialah sumber rujukan kedua selepas al-Quran.
- ✓ Al-Quran dan hadis saling diperlukan oleh umat Islam.
- ✓ Sesiapa yang mengabaikan al-Quran dan hadis atau satu daripadanya akan sesat.
- ✓ Hadis dijadikan panduan oleh para ulamak untuk memahami dengan lebih jelas maksud isi kandungan al-Quran.
- ✓ Kitab hadis yang menjadi rujukan utama, antaranya termasuk :

سُنَّةُ أَبِي دَاوُدٍ	صَحِيحُ مُسْلِمٍ	صَحِيحُ الْبُخَارِيِّ
سُنَّةُ ابْنِ مَاجَهٍ	سُنَّةُ النَّسَائِيِّ	جَامِعُ التَّرْمِذِيِّ
مُسْنَدُ أَحْمَدَ	سُنَّةُ الدَّارِمِيِّ	مُوطَّأُ مَالِكٍ

HADIS	Bahasa	Kata-kata atau baharu
	Istilah	Sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada berbentuk <u>percakapan</u> ....., <u>perbuatan</u> ....., pengakuan atau persetujuan, sifat.

KOMPONEN PENTING HADIS	SANAD	Bahasa : Sandaran.  Istilah : <u>Rangkaian perawi</u> yang menyampaikan sesuatu matan hadis.
	MATAN	Bahasa : Sesuatu yang jelas dan zahir.  Istilah : <u>Teks hadis</u> yang terdapat selepas berakhirnya sanad.

قال الإمام البخاري : حَدَّثَنَا عَلَيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا سُفِيَّانُ قَالَ حَدَّثَنِي مَنْصُورٌ عَنْ مُجَاهِدٍ عَنْ طَاؤُسٍ عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ، وَلَكِنْ جَهَادٌ وَنِيَّةٌ، وَإِذَا اسْتُنْفِرْتُمْ فَانْقُرُوا .  
(متفق عليه)

## PERANAN HADIS SEBAGAI SUMBER RUJUKAN

1. **Menguatkan hukum**..... yang terdapat dalam al-Quran seperti kewajipan berpuasa.
2. **Memperincikan isi kandungan al-Quran**..... seperti cara melaksanakan solat.
3. **Menjelaskan hukum**..... yang tiada dalam al-Quran seperti pengharaman emas dan sutera kepada lelaki.

## PENGELASAN HADIS

Aspek hadis yang penting ialah:

1.	<b>Percakapan</b>	Sesuatu yang <b>diucapkan</b> oleh nabi.
2.	<b>Perbuatan</b>	Sesuatu yang <b>dilakukan</b> oleh nabi.
3.	<b>Pengakuan atau Persetujuan</b>	<b>Diam</b> nabi terhadap sesuatu perbuatan atau percakapan sahabat <b>tanpa melarang</b> .
4.	<b>Sifat</b>	Perkhabaran tentang <b>sifat kejadian</b> dan <b>sifat keperibadian</b> Rasulullah SAW.

## PERBANDINGAN ANTARA AL – QURAN, HADIS QUDSI DENGAN HADIS NABAWI


PERBANDINGAN	AL – QURAN	HADIS QUDSI	HADIS NABAWI
MAKSUD	Makna dan lafaz <b>daripada Allah</b> ....	<b>Makna daripada Allah</b> dan lafaz <b>daripada Rasulullah</b> .	Makna dan lafaz <b>daripada Rasulullah</b>
GANJARAN PAHALA	Mendapat pahala bagi <b>setiap huruf yang dibaca</b> .....	Mendapat pahala kerana mempelajari dan beramal dengannya	Mendapat pahala kerana mempelajari dan beramal dengannya
MARTABAT	<b>Sahih tanpa keraguan</b> .....	Terbahagi kepada <b>sahih, hasan, dhaif</b> atau <b>maudhu'</b>	Terbahagi kepada <b>sahih, hasan, dhaif</b> atau <b>maudhu'</b> .
KEPERLUAN BERWUDHU'	<b>Wajib berwudhu</b> apabila memegang dan membawanya	Tidak wajib <b>berwudhu'</b> apabila memegang dan membawanya	Tidak wajib <b>berwudhu'</b> apabila memegang dan membawanya

HARI : \_\_\_\_\_ TARIKH :

<b>HADIS DAN TERJEMAHAN</b>	
	عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصٍ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَعَىْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :
Amirul mukminin Abu Hafs Umar bin Al Khattab berkata, aku mendengar Rasulullah bersabda	إِنَّمَا الْأَعْمَالَ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرٍ مَا نَوَى
Sesungguhnya setiap amalan berasaskan niat dan sesungguhnya bagi seseorang itu berdasarkan apa-apa yang diniatkannya.	فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ
Sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan RasulNya, maka hijrahnya itu kepada Allah dan RasulNya (diterima dan diberi ganjaran),	وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرًا يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَا جَرَ إِلَيْهِ
dan sesiapa yang berhijrah kerana tujuan keduniaan yang ingin diperolehnya, ia akan mendapatnya atau sesiapa yang berhijrah kerana wanita yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya akan mendapat apa yang diniatkannya.”	وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرًا يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَا جَرَ إِلَيْهِ
(Riwayat Bukhari dan Muslim)	(رواه البخاري ومسلم)

<b>IKHLAS</b>	<b>Bahasa</b>	Berasal daripada perkataan “ <b>أَخْلَاصَ</b> ” yang bermaksud <b>bersih dan suci</b> .....daripada kotoran yang mencemarkan.
	<b>Istilah</b>	Semua <b>amalan zahir dan batin</b> ..... yang dilakukan semata-mata mengharapkan keredaan Allah SWT <b>tanpa</b> menyekutukanNya dengan yang lain.

\* Orang yang ikhlas akan berusaha **menyembunyikan amalan kebaikan** yang dilakukan sebagaimana menyembunyikan keburukannya daripada diketahui umum.





### PENGAJARAN HADIS

1. **Umat Islam hendaklah** berniat kerana Allah SWT dalam setiap amalan agar mendapat keredaan Allah SWT.
2. **Umat Islam hendaklah** meyakini bahawa Allah SWT akan memberikan ganjaran kepada hambaNya yang ikhlas
3. **Kita hendaklah** melakukan ibadat dengan niat yang ikhlas..... agar ibadat kita diterima Allah SWT.
4. **Kita hendaklah** menjauhi sifat riya' dan ingin menunjuk-nunjuk..... agar amalan tidak sia-sia.

<b>HADIS DAN TERJEMAHAN</b>
عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رضيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
Abdullah bin Mas`ud R.A berkata, saya bertanya Rasulullah SAW
أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ ؟ قَالَ : الصَّلَاةُ عَلَى وَقْتِهَا
Amalan manakah yang paling disukai oleh Allah SWT ? baginda bersabda, "Solat pada waktunya"
قَالَ : ثُمَّ أَيُّ ؟ قَالَ : يُرِئُ الْوَالِدَيْنَ
Ibnu Mas`ud R.A bertanya lagi, " Apakah pula selepas itu ?" baginda menjawab "berbakti kepada ibu bapa"
. قَالَ : ثُمَّ أَيُّ ؟ قَالَ : الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ. (متفق عليه)
Ibnu Mas`ud R.A bertanya lagi, " Apakah pula selepas itu ?" baginda menjawab "berjihad di jalan Allah SWT."



### **TIGA AMALAN YANG PALING DISUKAI ALLAH SWT**



- ✓ Solat ialah kemuncak hubungan manusia dengan Allah SWT.
- ✓ Berbakti kepada ibu bapa kemuncak hubungan sesama manusia.
- ✓ Jihad merupakan amalan yang dapat memastikan kemuliaan umat sentiasa terpelihara.

<b>MAKSUD JIHAD</b>	<b>Bahasa</b> <b>Istilah</b>	<b>Mengorbankan diri di jalan Allah SWT.</b>  Menggunakan <b>seluruh kemampuan</b> ..... yang dimiliki untuk menegakkan <b>agama Islam</b> ..... dan mempertahankannya.
-------------------------	---------------------------------	---

*Dalam suasana aman, menjadi **fardhu kifayah** kepada sebahagian umat Islam untuk bersiap siaga **menjaga keamanan negara** daripada pencerobohan musuh, kekacauan atau pemberontakan.*



### PENGAJARAN HADIS

- Kita hendaklah melakukan amalan yang disukai oleh Allah SWT untuk menjadi umat yang cemerlang di dunia dan di akhirat.....
- Umat Islam wajiblah menunaikan solat pada waktunya supaya menjadi umat yang beradab, berdisiplin dan sentiasa menghargai masa.
- Setiap muslim wajib berbakti kepada ibu bapa untuk mendapat keredaan Allah SWT dan kebahagiaan hidup.....
- Kita hendaklah mempertahankan negara daripada musuh dan anasir luar agar negara aman damai.....
- Umat Islam dituntut agar beramal mengikut keutamaan supaya dapat memberikan kesan yang maksimum.